

Ruj. Tuan :

Ruj. Kami : (30) dlm.JK/MP 16 Jld. 5

Tarikh : 22 Mac 2013

YA Hakim/Pesuruhjaya Kehakiman
Mahkamah Tinggi
Seluruh Malaysia

Pegawai-pegawai Kehakiman
Seluruh Malaysia

YA/YBhg.Datuk/Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan,

PEKELILING KETUA PENDAFTAR BIL. 2 TAHUN 2013

PENUBUHAN MAHKAMAH PEMBINAAN

Adalah saya telah diarahkan oleh YAA Ketua Hakim Negara untuk memaklumkan mengenai penubuhan Mahkamah Pembinaan (*Construction Court*) di Kuala Lumpur dan Shah Alam yang akan mula beroperasi pada **1 April 2013**. Objektif penubuhan mahkamah ini adalah untuk melancarkan urusan pentadbiran dan penyelesaian segera bagi kes tuntutan yang berasaskan pembinaan atau berhubungan dengan pembinaan.

2. Bagi maksud Pekeliling ini –

“Mahkamah Pembinaan di Kuala Lumpur dan Shah Alam” bermaksud Mahkamah Tinggi Malaya di Kuala Lumpur dan Mahkamah Tinggi Malaya di Shah Alam yang ditubuhkan untuk mendengar kes yang berasaskan pembinaan atau berhubungan dengan pembinaan;

“Mahkamah Tinggi yang lain” bermaksud Mahkamah Tinggi Malaya dan Mahkamah Tinggi Sabah dan Sarawak selain daripada Mahkamah Pembinaan di Kuala Lumpur dan Shah Alam;

3. Kes yang didaftarkan di Mahkamah Pembinaan adalah kes tuntutan yang berasaskan pembinaan atau berhubungan dengan pembinaan dalam perkara yang berikut:

- (a) bangunan, kejuruteraan atau pertikaian pembinaan yang lain termasuklah—
- (i) tuntutan menurut Akta Pembayaran dan Adjudikasi Industri Pembinaan 2012 [*Akta 746*] selain daripada semakan kehakiman;
 - (ii) tuntutan mengenai bon pelaksanaan, guaranti atau insuran;
 - (iii) tuntutan yang berhubungan dengan kualiti barang yang dijual atau disewa, dan kerja yang dilakukan, bahan yang dibekalkan atau perkhidmatan yang diberikan;
 - (iv) tuntutan berhubungan dengan alam sekitar (contohnya, kes pencemaran alam sekitar);
- (b) tuntutan oleh dan terhadap jurutera, arkitek, juruukur, akauntan, pakar runding dan penasihat khusus lain berhubungan dengan perkhidmatan yang disediakan;
- (c) tuntutan oleh dan terhadap pihak berkuasa tempatan berhubungan dengan kewajipan berkanunnya mengenai pembangunan tanah atau pembinaan bangunan;
- (d) prosiding berkenaan dengan timbangtara termasuklah untuk mencabar keputusan penimbangtara; dan
- (e) rayuan dari Mahkamah Rendah.

4. Urusan pendaftaran dan perbicaraan bagi kes pembinaan adalah ditetapkan seperti yang berikut:

- (a) YA Dato' Mary Lim Thiam Suan akan bersidang sebagai Hakim Mahkamah Pembinaan di Kuala Lumpur;
- (b) YA Tuan Vernon Ong Lam Kiat akan bersidang sebagai Hakim Mahkamah Pembinaan di Shah Alam mulai 1 April 2013 sehingga suatu tempoh yang akan ditetapkan kelak;
- (c) Kes pembinaan yang didaftarkan di Mahkamah Tinggi yang lain akan dibicarakan mengikut bidang kuasa masing-masing.

5. Kes yang termasuk dalam kategori kes pembinaan yang telah didaftarkan di mana-mana Mahkamah Tinggi seluruh Malaysia sebelum 1 April 2013 adalah kekal di mahkamah masing-masing.

6. Mulai **1 April 2013**, semua kes pembinaan yang didaftarkan di Mahkamah Tinggi seluruh Malaysia akan diberi pengkelasan kod seperti berikut:

| PERKARA | KOD |
|---|----------|
| Rayuan Interlokutori sivil kes pembinaan dari Mahkamah Majistret | 11AC |
| Rayuan selepas bicara penuh kes sivil pembinaan dari Mahkamah Majistret | 11BC |
| Rayuan Interlokutori sivil kes pembinaan dari Mahkamah Sesyen | 12AC |
| Rayuan selepas bicara penuh kes sivil pembinaan dari Mahkamah Sesyen | 12BC |
| Penyemakan sivil kes pembinaan | 13C |
| Prosiding kes sivil pembinaan oleh dan terhadap Kerajaan | 21C |
| Guaman sivil pembinaan am | 22C |
| Saman pemula kes sivil pembinaan | 24C |
| Saman pemula kes sivil pembinaan [timbangtara] | 24C(Arb) |


7. Bagi kes pembinaan di Mahkamah Sesyen dan Mahkamah Majistret pengkelasan kod adalah seperti mana dalam Pekeliling Ketua Pendaftar Bil.1 Tahun 2013.

8. Pekeliling ini adalah berkuat kuasa mulai **1 April 2013**.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,


(AZIMAH BINTI OMAR)
Ketua Pendaftar
Mahkamah Persekutuan Malaysia
Istana Kehakiman
PUTRAJAYA

s.k :

YAA Ketua Hakim Negara
Mahkamah Persekutuan Malaysia
Istana Kehakiman
PUTRAJAYA

Peguam Negara
Jabatan Peguam Negara
No.45, Persiaran Perdana
Presint 4
62100 PUTRAJAYA

YAA Presiden Mahkamah Rayuan
Mahkamah Rayuan Malaysia
Istana Kehakiman
PUTRAJAYA

YAA Hakim Besar Malaya
Mahkamah Persekutuan Malaysia
Istana Kehakiman
PUTRAJAYA

YAA Hakim Besar Sabah dan Sarawak
Mahkamah Tinggi Kuching
SARAWAK

YA Hakim-Hakim
Mahkamah Persekutuan Malaysia
Istana Kehakiman
PUTRAJAYA

YA Hakim-Hakim
Mahkamah Rayuan Malaysia
Istana Kehakiman
PUTRAJAYA

Timbalan Ketua Pendaftar
Mahkamah Persekutuan Malaysia
Istana Kehakiman
PUTRAJAYA

Pendaftar Mahkamah Rayuan
Mahkamah Rayuan Malaysia
Istana Kehakiman
PUTRAJAYA

Pendaftar
Mahkamah Tinggi Malaya
Istana Kehakiman
PUTRAJAYA

Pendaftar
Mahkamah Tinggi Sabah dan Sarawak
Mahkamah Tinggi Kuching
SARAWAK

Pendaftar
Mahkamah Rendah Malaya
Istana Kehakiman
PUTRAJAYA

Pengarah Mahkamah Negeri
SELURUH MALAYSIA

Ketua Bahagian Guaman
Jabatan Peguam Negara Malaysia
PUTRAJAYA

Pengarah Bahagian Pengurusan
Pejabat Ketua Pendaftar
Mahkamah Persekutuan Malaysia
Istana Kehakiman
PUTRAJAYA

Ketua Bahagian Dasar, Latihan dan Perancangan Strategik
Pejabat Ketua Pendaftar
Mahkamah Persekutuan Malaysia
Istana Kehakiman
PUTRAJAYA

Pendaftar
Mahkamah Rendah Sabah dan Sarawak
Mahkamah Sesyen Kuching
SARAWAK

Ketua Bahagian Teknologi Maklumat
Pejabat Ketua Pendaftar
Mahkamah Persekutuan Malaysia
Istana Kehakiman
PUTRAJAYA

Pustakawan
Pejabat Ketua Pendaftar
Mahkamah Persekutuan Malaysia
Istana Kehakiman
PUTRAJAYA

Presiden
Majlis Peguam Malaysia
13,15 dan 17 Leboh Pasar Besar
50050 KUALA LUMPUR

Pengerusi
Persatuan Undang-Undang Sabah
Tingkat 2, 58, Jalan Pantai
Hainan Association Building
88000 Kota Kinabalu
SABAH

Pengerusi
Persatuan Peguambela Sarawak
Bilik Peguam, Kompleks Mahkamah Kuching
Jalan Gersik, Petra Jaya
93050 Kuching
SARAWAK